

# Definisi Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dan Kesannya Terhadap Kefahaman Dan Amalan Ajaran Islam Di Malaysia

*The Definition of Malay According to the Federal Constitution of Malaysia and its Impact on the Understanding and Islamic Practices in Malaysia*

Nisar Mohammad Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM, Nilai, Malaysia;

Article progress

Accepted: 5 April 2020

Reviewed: 23 November 2020

Published: 30 November 2020

\*Corresponding author:  
Nisar Mohammad Ahmad,  
USIM, Bandar Baru Nilai,  
Malaysia;  
Email: nisar@usim.edu.my

**Abstrak:** Artikel ini meneliti definisi Melayu sebagai Muslim sebagaimana diperuntukkan di dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang telah mewujudkan salingkaitan yang rapat antara Melayu dan Islam di Malaysia. Dalam kata lain, dari perspektif Perlembagaan, seseorang tidak lagi dianggap Melayu sekiranya beliau sudah keluar dari agama Islam. Hubungan erat Melayu-Islam ini justeru sangat baik dalam mempertahankan akidah Islam orang Melayu, namun ia turut berpotensi mencipta kekeliruan dengan menimbulkan tanggapan Islam adalah Melayu dan Melayu adalah Islam sehingga apa saja berkaitan Melayu akan dikaitkan juga dengan Islam. Artikel ini percaya adalah salah untuk mengaitkan apa saja berkaitan Melayu dengan Islam kerana ia bukan skop definisi yang dimaksudkan di dalam Perkara 160(2). Artikel ini bertujuan untuk mengatasi kekeliruan berkaitan Melayu-Islam ini dengan memberi penekanan kepada pemahaman konsep Islam yang lebih holistik dan universal. Melalui kajian ke atas sejarah hubungkaitan Melayu-Islam, peruntukan Perlembagaan serta kesannya terhadap kefahaman dan amalan ajaran Islam di Malaysia, artikel ini merumuskan bahawa Islam telah banyak memberi kesan kepada sosio budaya orang Melayu secara amnya namun masih terdapat adat dan amalan Melayu yang tidak mencerminkan ajaran Islam. Justeru, adalah penting untuk difahami bahawa Islam, meskipun sinonim dengan bangsa tertentu, adalah agama yang berdiri atas prinsipnya dan tidak tertakluk kepada bangsa atau adat tertentu. Memahami Islam melalui sumber-sumber asasnya seperti Al-Quran dan Hadis adalah solusi yang utama dalam mengatasi kekeliruan berkaitan hubungkaitan Melayu-Islam ini. Tuntasnya, menjadi Muslim tidak semestinya bermaksud menjadi Melayu walaupun secara definisinya Melayu adalah Muslim.

Kata kunci: Melayu, Islam dan Perlembagaan Persekutuan

**Abstract:** This article examines the definition of Malays as Muslim as provided in Article 160 (2) of the Federal Constitution which has established a close interrelatedness between the Malays and Islam in Malaysia. Constitutionally, a person is no longer considered Malay if he is not a Muslim. The close ties between Malay-Muslim and therefore safeguarding the faith of the Malays, but it also occurred confusion of both. It is wrong to associate anything related to the Malays with Islam as it is not the scope of the definitions referred to in Article 160 (2). This article aims to address the confusion Malay-Muslim with an emphasis on the understanding of the concept of Islam which is more holistic and universal. This article concludes that Islam has much impact on the socio-culture of the Malays in general but there are customs and practices of Malay which does not reflect the teachings of Islam. Thus, it is important to understand that Islam, although synonymous with a particular race, is a religion that stands on its principles and is not subject to a particular race or custom. Understanding Islam through sources like the Qur'an and the Hadith is the key solution

to overcome confusion related to the Malay-Muslim relationship. In conclusion, being a Muslim does not necessarily mean a Malay although by definition the Malay are Muslim.

**Keywords:** Malay, Islam, Federal Constitution

## Pendahuluan

Berdasarkan data terkini yang dikeluarkan pada 12 November 2020 di laman sesawang Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), penduduk Malaysia pada suku ketiga tahun 2020 dianggarkan berjumlah 32.69 juta orang. Jumlah ini merangkumi 29.78 juta orang warganegara Malaysia dan bakinya iaitu 2.92 juta orang adalah bukan warganegara. Dari sudut demografi berdasarkan kumpulan etnik pula, daripada keseluruhan penduduk Malaysia, 69.6% direkodkan sebagai Bumiputera, diikuti Cina (22.6%), India (6.8%) dan lain-lain (1%). Dari kalangan Bumiputera, Melayu mementuk kumpulan majoriti manakala sebahagian kecil yang lain ialah Bumiputera Sabah dan Sarawak. Jika dilihat pecahan penduduk mengikut agama pula, data terakhir pada Banci 2010 merekodkan Muslim membentuk 61.34% dari keseluruhan penduduk, diikuti Buddha (19.8%), Kristian (9.2%), Hindu (6.3%), Confucianism, Taoism, agama tradisional Cina (1.3%) dan lain-lain / tidak diketahui (2.1%) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Jumlah penduduk Muslim di Malaysia tidak terhad kepada kaum Melayu sahaja. Berdasarkan Banci 2010 di atas, 10% dari kalangan Muslim di Malaysia ialah bukan Melayu. Dalam kata lain, meskipun Melayu itu Muslim dan membentuk majoriti Muslim di Malaysia, namun masih terdapat Muslim di Malaysia yang bukan Melayu seperti Cina, India dan lain-lain. Jika ada bukan Melayu yang memeluk Islam, orang tersebut masih kekal dengan kumpulan etniknya dan tidak secara automatik menjadi Melayu walaupun telah menjadi Muslim. Seperti yang telah diperincikan di dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan, ‘Melayu’ didefinisikan sebagai seseorang yang beragama Islam, mengamalkan adat dan budaya Melayu, melazimi pertuturan dalam bahasa Melayu dan a) lahir sebelum Hari Merdeka, di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau Singapura; atau b) ia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Secara prinsipnya, definisi Melayu di atas mempunyai kesan dari sudut perundangan dan sosial. Meskipun ia dilihat boleh memelihara akidah Islam seseorang Melayu, namun secara tidak langsung ia juga turut memberi kesan kepada amalan dan kefahaman

Islam di Malaysia. Dalam kata lain, jika hubungan Melayu-Islam ini tidak difahami sebaiknya, ia sedikit sebanyak boleh menimbulkan salahfaham dengan mengaitkan apa saja berkaitan Melayu juga ada kaitan dengan Islam atau mempunyai asas Islam. Sebagai contoh, memeluk Islam dianggap ‘masuk Melayu’, budaya Melayu adalah budaya Islam, pakaian tradisi Melayu adalah pakaian tradisi Islam, mempelajari tulisan jawi adalah mempelajari agama Islam, mempertahankan ketuanan Melayu adalah mempertahankan ketuanan Islam dan sebagainya.

Bagi sesetengah non-Muslim pula, mereka memahami Islam berdasarkan pemerhatian mereka kepada cara hidup masyarakat Muslim yang majoritinya Melayu. Tidak hairanlah ada di antara mereka yang menganggap jika ingin menjadi Muslim seseorang perlu jadi Melayu, perlu pakai Baju Melayu / Baju Kurung, makan makanan Melayu dan sebagainya. Tidak ketinggalan ada juga di kalangan non-Muslim tanggapan dan persepsi jika mereka memeluk Islam mereka tidak lagi boleh tinggal bersama atau meneruskan hubungan kekeluargaan dengan ibu bapa atau ahli keluarga yang non-Muslim.

Salah faham ini sudah pasti jauh menyimpang dari tujuan sebenar definisi Melayu yang diperincikan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia mungkin boleh dianggap sebagai kesan tidak langsung dari hubungkaitan yang kuat dan hampir ‘sebat’ (*intertwined*) antara Melayu-Islam di Malaysia. Justeru, adalah amat penting untuk hubungkaitan Melayu-Islam ini difahami mengikut konteks yang sebenar dan secara holistik berdasarkan panduan dari Al-Quran, Hadis dan sumber-sumber berautoriti yang lain dan bukannya dengan melihat kelakuan dan budaya orang Melayu. Ini kerana, meskipun Melayu itu Muslim, namun tindak-tanduk dan sikap serta budaya sesetengah orang Melayu tidak semestinya memberi gambaran ajaran Islam yang sebenar.

Selain definisi dari sudut Perlembagaan yang mempunyai implikasi perundangan, perkataan Melayu juga telah diberikan takrifan yang berbeza contohnya dari perspektif dan budaya. Menurut Syed Husin Ali (2008), jika dilihat dari sudut sejarah dan sosiobudaya, takrif Melayu adalah sangat luas. Ia meliputi mereka yang mendiami kepulauan Melayu. Meskipun terdapat berbagai-bagai suku bangsa, bahasa dan dialek setempat, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap mereka

sebagai suatu kumpulan yang sama iaitu keturunan Melayu. Selain itu, istilah Melayu turut diberikan definisi sebagai Bangsa Austronesia yang tinggal Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh Kepulauan Melayu atau Nusantara. Justeru, ia merujuk kepada masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia, Thailand, Brunei, Singapura dan Filipina. Dalam kata lain orang Melayu bolehlah difahami sebagai bangsa yang bertutur dalam Bahasa Melayu, berbudaya Melayu dan tinggal di Semenanjung da Kepulauan Melayu (Ghani, M. F., 2018).

Artikel ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Selain bahagian ini yang memberikan gambaran kasar kepada tajuk artikel, bahagian kedua membincangkan latarbelakang dari sudut sejarah yang mempengaruhi kaitan rapat antara Melayu dan Islam. Ia menyentuh sejarah kedatangan Islam di kepulauan Melayu dan Nusantara serta kesan-kesan langsung berkaitannya. Bahagian seterusnya menyentuh tentang definisi Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu dari sudut perundangan dan sosial. Sebelum rumusan dan kesimpulan, artikel ini membincangkan bentuk-bentuk salingkaitan Melayu-Islam sebagai suatu entiti '*ethno-religious*' serta beberapa cadangan penyelesaian untuk mengelakkan salahfaham yang mungkin timbul berkaitan hubungkaitan Melayu dan Islam di Malaysia.

## Latar Belakang Dan Sejarah Hubungkaitan Melayu-Islam

Hasni, Mohd Ali dan Ramli (2017) merumuskan di dalam kajian mereka bahawa bangsa Melayu telah melalui beberapa peringkat penyerapan agama yang dapat ditelusuri dalam empat peringkat utama iaitu pertama; kepercayaan animisme, kedua; ajaran agama Buddha, ketiga; ajaran agama Hindu dan yang terakhir ajaran agama Islam. Ajaran animisme bermula sejak zaman prasejarah. Berdasarkan kepercayaan ini, setiap objek dipercayai mempunyai jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakan sendiri. Daripada kepercayaan terhadap roh dan makhluk halus yang menjadi asas kepada animisme ini lahirlah kepercayaan kepada 'ilmu-ilmu' ataupun sihir yang melibatkan pemujaan terhadap roh bagi memperolehi bantuan, termasuklah bagi mengubati penyakit yang dihidapi masyarakat (Skeat, 1900).

Selepas awal abad Masihi agama Buddha dan Hindu telah sampai di Semenanjung Tanah Melayu dari India dan tertumpu di kota-kota besar di utara Semenanjung Tanah Melayu, seperti di Lembah Bujang Kedah (Hasni, Mohd Ali dan Ramli, 2017). Kedatangan agama Hindu-Buddha telah menyebabkan masyarakat Melayu didebak dengan dewa-dewa Hindu seperti

Siva ataupun Betara Guru, Kala, Seri Rama, Laksamana dan Krishna (Winstedt, 1947).

Mohtar (1979) pula berpendapat bahawa masyarakat Melayu melihat persamaan di antara roh ataupun makhluk halus dengan dewa-dewa Hindu memandangkan kedua-dua entiti ini bersifat ghairah selain daripada mempunyai kuasa dan ditakuti. Selepas kurun ke-14 Masihi, terutamanya di bawah pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, penyebaran agama Islam berlaku dengan pesat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Harper (2001) dan Ahmad & Tan (2003), menjelang Kurun ke-15, Kesultanan Melayu Melaka, yang pengaruhnya mencakupi kebanyakan wilayah Barat Kepulauan Melayu atau Nusantara, telah menjadi pusat Islamisasi di Timur. Pemelukan Islam di kalangan Sultan dan Pemerintah telah mempengaruhi proses Islamisasi ini terhadap harap jelata yang lain.

Tradisi dan kebudayaan Melayu Melaka telah diwarisi dari generasi ke generasi sehingga membentuk budaya dan identiti Melayu. Semasa era ini, agama Islam menjadi sinonim dengan masyarakat Melayu dan memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti Melayu (Andaya, 1984, Barnar, 2004 & Yaacob, 2009). Sejak kedatangan Islam juga, identiti Melayu secara perlahan-lahan telah dibentuk dan dipengaruhi oleh prinsip-prinsip atau elemen-elemen Islam. Contoh yang paling mudah ialah perubahan nama klasik dan tipikal Melayu lama seperti Puspa, Putera, Aduka, Melati dan sebagainya kepada nama-nama dari perkataan Arab seperti Faridah, Ahmad, Muhammad dan sebagainya. Perubahan-perubahan lain termasuk dalam aspek agama dan ritual, budaya, cara berpakaian, bahasa dan makanan.

Walaupun kedatangan Islam ke Tanah Melayu merubah agama dan cara hidup masyarakat Melayu, Wilkinson (1906) mendakwa bahawa elemen kepercayaan animisme dan agama-agama sebelum Islam iaitu Hindu dan Buddha tidak lenyap secara keseluruhan. Elemen itu masih wujud dalam masyarakat Melayu khususnya pada zaman sebelum merdeka terutamanya dalam aktiviti ritual penyembuhan yang melibatkan pemujaan seperti puja pantai. Ia juga melibatkan ritual berkaitan kelahiran, perkahwinan dan kematian. Selain itu, adalah suatu yang biasa dalam masyarakat Melayu ketika itu mendapatkan khidmat bomoh dan pawang untuk tujuan perubatan dan sebagainya (Jabatan Penerangan Malaysia, t.t.).

## Melayu, Islam Dan Perlembagaan Persekutuan

### Definisi Melayu Di Dalam Perlembagaan

Melayu dan Islam adalah dua elemen penting yang menjadi antara perkara utama yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah hasil konsensus pemimpin masyarakat mewakili kaum utama di Malaya di ambang proses kemerdekaan. Masyarakat bukan Melayu iaitu Cina dan India bersetuju dengan peruntukan khas berkaitan Melayu dan Bumiputera manakala orang Melayu turut mengiktiraf hak kewarganegaraan orang Cina dan India. Persefahaman yang dirujuk sebagai kontrak sosial ini telah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Reid dalam merangka Perlembagaan untuk Malaya. Hasilnya, Perkara 3 Perlembagaan telah diperuntukkan bahawa Islam adalah agama persekutuan manakala agama lain bebas diamalkan dengan aman dan harmoni. Selain itu, hubungkaitan Melayu-Islam telah diberi penekanan khusus di dalam Perkara 160(2) yang memperincikan definisi Melayu menurut Perlembagaan sebagai seorang Muslim.

Menurut Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;

*"Orang Melayu" ertiinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan-*

- a) *yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau*
- b) *ialah zuriat seseorang yang sedemikian;*

#### *Kesan Definisi Melayu Di Dalam Perlembagaan*

Pertamanya, definisi Melayu di dalam Perlembagaan telah memberikan beberapa implikasi perundangan. Sebagai contoh, jika ada orang Melayu yang telah keluar dari agama Islam atau murtad, dia tidak boleh lagi dianggap sebagai seorang Melayu mengikut Perlembagaan. Kesan perundangan yang lain ialah orang tersebut tidak lagi layak untuk mendapat hak istimewa Melayu sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah antara sebab isu murtad di kalangan masyarakat Melayu dianggap sebagai isu yang kontroversi dan sensitif. Selain itu, tafsiran Melayu sebagai Muslim ini juga secara tidak langsung telah memelihara akidah Islam orang Melayu yang dari perspektif pejuang hak asasi manusia ala Barat dianggap sebagai pencabulan hak beragama seseorang. Premis ini telah diperkuuhkan lagi di dalam keputusan Mahkamah Persekutuan

(Chelsea & Wond, 2007) bagi kes Lina Joy<sup>1</sup> yang menetapkan seseorang Melayu tidak boleh keluar dari agama Islam.

Keduanya, selain dari kesan perundangan, definisi Melayu di dalam Perlembagaan juga boleh memberikan kesan dari sudut sosial seperti salahfaham di kalangan Muslim dan bukan Muslim berkaitan ajaran dan amalam agama Islam di Malaysia. Ini kerana definisi Melayu sebagai Muslim telah menyumbang kepada konsep dan identiti 'ethnoreligious' (Frith, 2000) iaitu sesuatu kumpulan etnik yang mempunyai persamaan dari sudut agama. Dari perspektif masyarakat Malaysia, hubungan Melayu dan Islam sangat kuat sehingga membawa kepada persepsi umum yang mengaitkan Islam adalah Melayu dan Melayu adalah Islam yang tidak semestinya benar dalam sesetengah perkara. Sebuah buku teks pelajar universiti untuk kursus Pengajian Malaysia menjelaskan apabila seseorang bukan Melayu memeluk Islam ia biasanya akan dianggap seolah-olah 'masuk Melayu'. Ini kerana orang tersebut, apabila memeluk Islam, secara tidak langsung perlu fasih dalam bahasa Melayu dan hidup dengan carahidup Melayu kerana majoriti Muslim di Malaysia yang berinteraksi dengannya adalah orang Melayu (Mahdi & Mohd. Fauzi, 2001).

Hari Singh (2001) pula berpendapat, memeluk Islam bermakna seseorang perlu mengamalkan adat dan budaya Melayu (masuk Melayu). Ini kerana memeluk Islam memerlukan seseorang meninggalkan adat dan budaya bangsanya dengan mengadaptasi budaya dan cara hidup Melayu. Generalisasi yang dibuat oleh penulis ini dilihat sebagai tidak tepat kerana Islam tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana bangsa samada Arab atau Melayu hanya kerana bangsa-bangsa tersebut majoritinya Muslim. Harus difahami juga ialah Islam agama yang inklusif dan diturunkan sebagai rahmat kepada sekalian manusia dan tidak hanya terhad kepada kumpulan-kumpulan etnik tertentu sahaja.

Mengambilkira definisi Melayu seperti di atas, kefahaman dan amalan ajaran Islam di Malaysia dilihat mempunyai kaitan sangat rapat dengan Melayu sehingga ke tahap apa jua yang berkaitan dengan Melayu juga dilihat sebagai berkaitan dengan Islam. Sebagai contoh, budaya Melayu dianggap budaya Islam, pakaian tradisi Melayu dianggap pakaian Islam, mempertahankan ketuanan Melayu dianggap mempertahankan ketuanan Islam, mempelajari kaligrafi jawi / khat dianggap mendalami Islam, mempertahankan organisasi atau pertubuhan berkaitan Melayu dianggap sebagai mempertahankan Islam. Justeru, Islam di Malaysia

<sup>1</sup> Lina Joy lwn.. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585

sangat sinonim dengan orang Melayu, suatu persepsi yang dikritik oleh seorang ilmuan Islam. Antaranya Chandra Muzaffar (1998) yang berpendapat Islam di Malaysia masih terkepung dalam perspektif yang sama. Muslim di Malaysia masih belum memahami maksud dan falsafah kesejagatian Islam yang sebenar.

Artikel ini percaya bahawa adalah suatu yang tidak tepat untuk membuat generalisasi apa jua berkaitan Melayu adalah Islam. Ini kerana persepsi ini adalah menyimpang dari maksud sebenar definisi Melayu yang diperuntukkan di dalam Perkara 160(2) Perlembagaan. Justeru, adalah sangat penting untuk melihat dan menilai semua perkara dari perspektif Islam berpandukan sumber asasnya untuk mengelakkan kekeliruan berkaitan hubungkaitan Melayu-Islam.

### **Melayu-Islam: Suatu Identiti ‘Ethno-Religious’**

Proses Islamisasi dalam masyarakat Melayu yakni proses asimilasi nilai Islam ke dalam masyarakat Melayu adalah suatu perkembangan ketara yang berlaku sejak permulaan kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan proses ini masih berlaku sehingga kini. Budaya orang Melayu sebelum kedatangan Islam yang bercanggah dengan prinsip Islam telah ditinggalkan secara beransur-ansur sebagai tanda ketataan masyarakat Melayu terhadap ajaran Islam. Terdapat juga budaya Melayu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam yang dikenalkan dan disesuaikan pelaksanannya mengikut syariat Islam yang ada perkiraan hukum di dalamnya. Definisi Melayu di dalam Perlembagaan telah mengukuhkan lagi proses Islamisasi ini sehingga memberi kesan kepada aspek-aspek berikut;

#### *Bahasa*

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar atau *lingua-franca* untuk penduduk di Nusantara yang merangkumi Selatan Thailand, Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. Semasa zaman sebelum kedatangan Islam, bahasa Melayu ditulis menggunakan tulisan Pallava<sup>2</sup>, Kawi dan Rencong. Selepas kedatangan Islam, tulisan jawi<sup>3</sup> yang menggunakan huruf dari bahasa Arab telah menjadi tulisan rasmi untuk bahasa Melayu dan masih kekal penggunaannya di Malaysia dan Brunei. Bahkan, terdapat banyak perkataan Arab yang telah diserapkan sebagai kosa kata bahasa Melayu

seperti kitab (buku), Sultan (Raja), wilayah (kawasan) dan sebagainya.

Namun, bermula pada abad ke-17 M, kesan dari penjajahan Inggeris dan Belanda, tulisan rasmi bahasa Melayu secara beransur-ansur telah beralih kepada tulisan rumi. Ia kemudiannya menjadi tulisan rasmi yang moden untuk bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei. Walaupun bahasa Melayu dan Arab sangat berkaitan rapat dengan orang Islam, namun kedua-duanya tidak semestinya dianggap bahasa Islam. Juga tidak tepat untuk mengatakan apabila seseorang menjadi Muslim, mereka hanya perlu bertutur dalam bahasa tersebut sahaja. Namun begitu, adalah sangat penting untuk orang Islam membaca bahasa Arab kerana Al-Quran diturunkan dalam bahasa tersebut.

#### *Agama*

Dengan kedatangan Islam, budaya dan adat resam Melayu yang bercanggah dengan prinsip Islam telah diubah dan ditinggalkan. Sejak itu, orang Melayu secara tradisinya dikenali sebagai orang Islam (John & Lahoud, 2005) dan identiti ini tidak pernah berubah sehingga kini (Ali, 2008). Pada zaman kebangkitan Islam di seluruh dunia Islam sekitar tahun 1970-an, banyak adat dan tradisi yang bercanggah dengan ajaran Islam atau yang memiliki elemen syirik dan khurafat telah ditinggalkan oleh orang Melayu. Antara amalan tersebut ialah temasya mandi safar, iaitu perayaan yang disambut dengan cara mandi di pantai untuk memperolehi kesucian jiwa dan menolak bala. Ia disifatkan sebagai mempunyai persamaan dengan ritual Durga Puja yang diamalkan oleh masyarakat Hindu di India (Bolton & Hutton, 2000). Secara umumnya, hampir keseluruhan atau 99.99% orang Melayu moden adalah Sunni Muslim dan perayaan utama disambut mereka adalah berasaskan pengaruh Islam iaitu *Hari Raya Aidilfitri* (Eid ul-Fitr), *Hari Raya Aidiladha* (Eid al-Adha), *Awal Muharram* dan *Maulidur Rasul*.

#### *Makanan*

Nasi lemak, laksa, kuih-muih tradisional Melayu dan lain-lain adalah makanan yang sinonim dengan masyarakat Melayu. Meskipun begitu, makanan ini tidak boleh secara automatik dipanggil ‘makanan Islam’ kerana Islam sendiri tidak menetapkan apa bentuk atau nama makanan yang boleh dirujuk sebagai ‘makanan Islam’. Islam menetapkan sesuatu makanan itu adalah selaras dengan prinsip Islam atau Islamik sekiranya ia mematuhi hukum berkaitan halal yang telah ditetapkan syarak. Daging khinzir, daging binatang yang tidak halal, daging binatang yang tidak disembelih dan arak adalah contoh makanan dan minuman yang diharamkan dan oleh yang demikian tidak menjadi sebahagian dari makanan orang Melayu. Selain dari aspek-aspek yang

<sup>2</sup> Batu Bersurat Kedukan Bukit telah ditulis menggunakan tulisan Pallava yang merupakan tulisan untuk Bahasa Melayu Kuno yang mempunyai pengaruh dari Bahasa Sanskrit. Mula digunakan seawal tahun 683M, ia digambarkan sebagai artifak bertulis Melayu tertua yang masih terpelihara.

<sup>3</sup> Batu Bersurat Terengganu telah ditulis pada tahun 1303M. Ia dianggap artifak bertulis yang tertua menggunakan tulisan Jawi.

dibincangkan di atas, sebagai Muslim, orang Melayu sangat mematuhi hukum halal-haram berkaitan makanan. Hatta orang yang melakukan maksiat atau tidak solat sekalipun tidak akan sanggup untuk makan daging khinzir. Secara umumnya, kebanyakan orang Melayu sangat mengambil berat soal halal-haram berkaitan makan minum berbanding perkara lain dalam urusan kehidupan mereka. Memandangkan orang Melayu sangat mematuhi hukum halal-haram berkaitan makanan, maka bolehlah disebut bahawa makanan orang Melayu adalah makanan yang halal melainkan jika ada elemen yang menjadikannya tidak halal.

### Pakaian Tradisi

Pakaian yang sinonim dengan orang Melayu ialah seperti baju Melayu atau teluk belanga, kain pelikat dan tanjak atau tengkolok. Adalah suatu yang biasa juga bagi pahlawan Melayu mengenakan busana, bertanjak serta keris yang diselit di bahagian hadapan kain sampingnya. Pakaian tradisi orang Melayu berbeza-beza mengikut lokasi dan daerah namun yang dilihat popular di zaman moden ini ialah Baju Kurung (untuk perempuan) dan Baju Melayu (untuk lelaki). Kedua-duanya diiktiraf sebagai pakaian kebangsaan di Malaysia dan Brunei selain turut menjadi pakaian sebahagian masyarakat Melayu di Singapura, Selatan Thailand dan Indonesia. Meskipun begitu, adalah tidak tepat untuk menganggap apa jua yang dipakai oleh masyarakat Melayu adalah cerminan pakaian Islam kerana Islam sendiri tidak menetapkan bentuk atau jenis pakaian yang boleh dianggap pakaian Islam. Ini kerana Islam hanya menetapkan kriteria atau syarat tertentu untuk membolehkan sesuatu pakaian itu dianggap mematuhi prinsip Islam. Antaranya berkaitan bahagian badan yang perlu ditutup (aurat), longgar, tidak jarang dan menampakkan bentuk tubuh dan syarat-syarat lain seperti tidak menyerupai sesuatu masyarakat bukan Islam atau pakaian jantina yang berlawanan (Ahmad, 2011). Oleh yang demikian, pakaian Melayu tidak semestinya boleh dianggap pakaian Islam. Contohnya wanita yang memakai baju kurung tanpa mengenakan tudung, ia boleh dianggap pakaian Melayu tetapi tidak memenuhi keperluan pakaian yang mengikut prinsip Islam.

### Nama dan Gelaran

Dari aspek nama dan gelaran, masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam menggunakan nama yang ada di antaranya yang mempunyai pengaruh Sanskrit seperti *Awang*, *Kelana*, *Arjuna*, *Teruna*, *Atan*, *Indera*, *Puteh*, *Hitam*, dan lain-lain untuk lelaki dan *Ayu*, *Chempaka*, *Seri*, *Melati*, *Anggerik*, *Melur*, *Intan*, *Kemboja* dan lain-lain untuk perempuan. Meskipun terdapat orang Melayu masih mengekalkan pengaruh Melayu dan Sanskrit

klasik pada nama mereka, namun sebagai Muslim, orang Melayu telah cenderung untuk menukar nama mereka kepada nama-nama dari bahasa Arab sebagai simbolik kepada keislaman mereka. Ini adalah situasi yang berlaku kepada pemerintah Kesultanan Melayu Melaka, Parameswara yang telah menukar namanya kepada Megat Iskandar Shah setelah memeluk Islam pada 1414 (Tourism Melaka, 2011). Hari ini, nama berbahasa Arab yang banyak diambil dari nama-nama Allah yang disandarkan dengan perkataan ‘Abdul serta nama para Nabi dan sahabat baginda telah menjadi antara nama popular di kalangan lelaki Melayu. Ini termasuk nama-nama seperti Muhammad, Abdul Hamid, Othman dan lain-lain. Manakala nama-nama untuk wanita Muslimah pula antaranya termasuk Khadijah, Rahmah, Fatimah dan lain-lain. Begitu juga, nama-nama dan gelaran Sulran dan Raja Melayu turut berubah seiring dengan pengaruh Islam yang kuat di dalam masyarakat Melayu. Sebagai contoh, Yang Dipertuan Agong Malaysia ketika ini menggunakan gelaran *Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah* manakala Sultan Brunei pula menggunakan gelaran *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien*.

### Jalan Penyelesaian

Sememangnya hubungkaitan Melayu dan Islam di Malaysia sangat rapat dan sekiranya ia tidak difahami dengan mendalam, terdapat kebarangkalian untuk berlaku salahfaham dan generalisasi yang tidak tepat di kalangan rakyat Malaysia berkaitan kefahaman dan amalan ajaran Islam di negara ini. Kebanyakan masyarakat non-Muslim mengenali Islam melalui pemerhatian mereka terhadap amalan orang Melayu kerana orang Melayu semuanya adalah Muslim. Situasi ini sebenarnya menjadi suatu cabaran besar kepada orang Islam terutamanya orang Melayu untuk memastikan tingkah laku dan cara hidup mereka benar-benar mencerminkan ajaran Islam. Memahami Islam sebenarnya tidaklah melalui pemerhatian kepada tingkahlaku orang Islam kerana ada kemungkinan wujudnya sifat dan tinglaku yang dipamerkan yang tidak serasi dengan prinsip Islam.

Justeru, Islam yang sebenar harus difahami melalui penelitian kepada sumber-sumber asasnya seperti Al-Quran dan Al-Sunnah. Kefahaman yang jelas tentang Islam ini juga boleh membantu mengelakkan kekeliruan dan salahfaham yang mungkin timbul berkaitan definisi Melayu dalam Perlembagaan ini. Islam juga harus difahami sebagai agama diturunkan untuk

sekalian alam. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." [Surah Al-Anbiya' ayat :107]*

Ayat di atas mengesahkan sifat Islam yang inklusif dan tidak terhad untuk kelompok kaum tertentu seperti Melayu atau Arab sahaja meski kedua-dua etnik ini sangat sinonim dan 'sebat' dengan Islam. Selain itu, Nabi Muhammad SAW sendiri pernah bersabda bahawa tiada kelebihan orang Arab ke atas 'ajam (bukan Arab) di sisi Allah melainkan orang yang bertaqwah. Oleh yang demikian, mendiskriminasi manusia untuk memperolehi haknya berdasarkan bangsa dan warna kulit adalah sesuatu yang berlawanan dengan prinsip Islam. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran yang bermaksud;

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).[ Surah Al-Hujurat ayat:13]*

Di samping itu, Islam juga adalah agama fitrah dan universal. Ia bertepatan dengan fitrah dan naluri kemanusiaan kerana tujuan Islam didatangkan adalah untuk memandu kehidupan manusia ke arah jalan yang benar dan direhdai Allah SWT. Justeru, setelah memahami prinsip Islam yang sebenar, maka sudah sampai masanya untuk diserapkan seluruh prinsip Islam tersebut ke dalam cara hidup orang Melayu dengan menghapuskan saki-baki amalan yang bercanggah dengan Islam seperti elemen khurafat serta sikap-sikap yang buruk. Sesungguhnya falsafah dan nilai Islam sangat luas serta masih belum difahami sebaiknya oleh orang Islam terutamanya Melayu di Malaysia. Oleh sebab itulah sehingga kini masih ramai orang beragama Islam yang terlibat dengan gejala sosial, menyalahgunakan dadah dan sebagainya. Apa yang harus difahami ialah tindakan dan sikap buruk tersebut tidak berpunca dari Islam tetapi kegagalan sebahagian orang Islam sendiri untuk mematuhi prinsip-prinsip Islam yang telah ditetapkan.

## Kesimpulan

Di Malaysia, perbincangan tentang Islam dianggap 'tidak lengkap' jika tidak merujuk kepada kaum Melayu dan budayanya. Ini antara lain adalah kerana majoriti orang Islam di Malaysia adalah dari kalangan orang Melayu. Selain itu, ia juga adalah kesan dari definisi Melayu sebagai Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan sehingga menjadikan bangsa tersebut sebagai entiti 'ethno-religious'. Ini berbeza dengan bangsa lain seperti Cina dan India yang tidak dihadkan atau didefinisikan sebagai pengikut agama tertentu oleh Perlembagaan. Oleh sebab itulah di kalangan kaum Cina dan India ada yang beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian berbanding Melayu yang hanya beragama Islam. Apabila Melayu dan Islam seringkali dikaitkan secara pukal dan obsesif, maka akan terdapat kecenderungan untuk membuat generalisasi apa sahaja berkaitan Melayu adalah cerminan kepada ajaran Islam. Bagi mengatasi kekeliruan dan kefahaman ini, artikel ini mencadangkan agar masyarakat awam dan non-Muslim memahami Islam dari perspektifnya yang sebenar dan tidak secara total kepada pemerhatian terhadap amalan orang Melayu dan Muslim. Orang Melayu juga mempunyai tanggungjawab besar untuk berusaha menjadi Muslim yang terbaik iaitu dengan memahami prinsip Islam dengan mendalam, melaksanakan dan mematuhi prinsip dan syariatnya seterusnya tidak mencalarkan imej Islam.

## Rujukan

- Ahmad, A. T. & Tan, L.E. (2003). *New terrains in Southeast Asian history*. Singapore: Ohio University Press.
- Ahmad, N. M. (2011). "The Islamic and International Human Rights Law Perspectives of Headscarf: the Case of Europe". *The International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 (16) September 2011 - ISSN 2219-1933 (Print), 2219-6021 (Online).
- Ali, S. H. (2008). *The Malays, their problems and future*. Malaysia: The Other Press Sdn Bhd.
- Andaya, B. W. & Andaya, L. Y. (1984). *A History of Malaysia*. London: Palgrave Macmillan.
- Anthony Hearle Johns, Nelly Lahoud (2005). *Islam in world politics*. New York: Routledge.
- Barnar, T. P. (2004). *Contesting Malayness: Malay identity across boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Bolton, K. & Hutton, C. (2000). *Triad societies: western accounts of the history, sociology and linguistics of Chinese secret societies (volume V)*. London: Routledge.

- Burgat, F. (2003). *Face to face with political Islam (L'islamisme en face)*. New York: I.B Tauris & Co. Ltd.
- Chandra Muzaffar (1998). *Universalism in Islam*. In *Liberal Islam*. Edited by Charles Kurzman. Oxford University Press: New York.
- Chelsea, L. Y. and Wond, R. (May 31<sup>st</sup>, 2007). *Federal Court rejects Lina's appeal in a majority decision*. The Star. Diakses pada 20 September, 2011, dari: <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2007/5/31/nation/17889176&sec=nation&focus=1>
- Frith, T. (September 1, 2000). "Ethno-Religious Identity and Urban Malays in Malaysia" *Asian Ethnicity* (Routledge) 1 (2): 117–129.
- Ghani, M. F. (2018). Konsep Alam Melayu Dari Sudut Sejarah. MyNewsHub. 23 Julai 2018. <https://www.mynewshub.tv/utama-sensasi/konsep-alam-melayu-dari-sudut-sejarah/>
- Harper, T. N. (2001). *The End of Empire and the Making of Malaya*. UK: Cambridge University Press.
- Hasni, M.T., Mohd Ali, M. S. & Ramli, Z. (2017). *Merosotnya Pengaruh Hindu-Buddha Di Kedah Tua: Satu Analisis Politik Dan Budaya*. Asian Journal of Environment, History and Heritage, Vol. 1, Issue. 2, p. 113-128 ISSN 2590-4213 (Print) e-ISSN 2590-4310(Online)
- Jabatan Penerangan Malaysia (t.t.). Masyarakat Melayu di Malaysia. Pusat Maklumat Rakyat,. Diakses pada 20 September 2011 dari: [http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=3240:masyarakat-melayu-di-malaysia&catid=185:masyarakat-majmuk](http://pmr.penerangan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=3240:masyarakat-melayu-di-malaysia&catid=185:masyarakat-majmuk)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2015). Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010 (Kemas kini: 07/05/2015). [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cttheme&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4ThUUT09&bul\\_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjd09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cttheme&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4ThUUT09&bul_id=MDMxdHZjWTk1SjFzTzNkRXYzcVZjd09)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Perangkaan Demografi Suku Tahun Ketika 2020, Malaysia. 12 November 2020. [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctthemeByCat&cat=430&bul\\_id=YUttRnlGZ2VXSkg0M0F2ZHZFTE9IUT09&menu\\_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4ThUUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctthemeByCat&cat=430&bul_id=YUttRnlGZ2VXSkg0M0F2ZHZFTE9IUT09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4ThUUT09)
- Mahdi, S. & Mohd. Fauzi, Y. (2001). *Malaysian Studies*. Kuala Lumpur: Longman.
- Mohtar Md. Dom. (1979). *Malay Superstitions and Beliefs*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Mutalib, H. (2008). *Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ragman, Z. (2003). *Gateway to Malay culture*. Singapore: Asiapac Books Pte Ltd.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their problem and future*. Kuala Lumpur: Others Press.
- Singh, H.(2001) 'Ethnic Conflict in Malaysia Revisited', *Commonwealth & Comparative Politics*, 39: 1, 42 — 65.
- Skeat, Walter William. (1900). *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*. New York: The Macmillan Company.
- Tourism Melaka (undated). *The Melaka Sultanate*. Diakses pada 22 September, 2011, dari: <http://www.tourism-melaka.com/emelakainfo/melaka%20sultanate.pdf>
- Wilkinson, R.J. (1906) *Malay Beliefs*. London: Luzac & Co.
- Winstedt, R.O. (1947). *The Malays: A Cultural History*. Singapore: Kelly & Walsh.
- Yaacob, M. F. (2009). *Malaysia: Transformasi dan perubahan sosial*. Malaysia: Arah Pendidikan Sdn Bhd.

## Kes

*Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585*